

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 FEB 2015



Najib dan Jokowi tiba di Masjid Putra, Putrajaya untuk menunaikan solat Jumaat, semalam.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

Bincang isu tertangguh

BH-7/2/2015

» Hubungan Malaysia, Indonesia makin akrab

Oleh Magendran Rajagopal dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Keakraban hubungan serumpun Malaysia-Indonesia semakin kukuh apabila kedua-dua pihak komited untuk segera memuktamadkan beberapa kerjasama yang dipersetujui, tetapi tidak dapat dilaksanakan.

Pendirian melaksanakan kerjasama berkaitan kepentingan sosioekonomi itu dicapai dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Joko Widodo atau lebih mesra dengan panggilan Jokowi, semalam.

Antaranya, isu persempadanan maritim, tenaga kerja Indonesia, pencerobohan nelayan, sekolah bagi anak Indonesia di Sarawak serta perdagangan dua hala.

Najib dalam sidang media bersama, berkata kedua-dua pihak meneruskan tradisi mengukuhkan persahabatan hubungan penting dan strategik berasaskan sentimen kebersamaan, budaya, sejarah dan agama, selain azam politik untuk memajukan hubungan dua hala.

"Saya dan Presiden mengadakan perbincangan yang amat produktif dan ini menunjukkan kami memiliki keazaman untuk menyelesaikan beberapa isu yang tertangguh secara tuntas.

Lantik wakil khas

"Ini termasuk mewujudkan mekanisme tambahan untuk mencari penyelesaian kepada isu yang belum lagi diputuskan antara kedua-dua negara," katanya.

Mengenai persempadanan maritim, Najib berkata ia isu rumit yang lama tertunggak walaupun jawatankuasa teknikal sudah bermesyuarat 26 kali dengan mesyuarat seterusnya pada 26 Februari ini, tetapi tiada hasil yang khusus.

Justeru, masing-masing bersetuju melantik wakil khas bagi mengadakan rundingan mencari formula yang dapat dipersetujui sebelum memulakan rundingan selanjutnya secara rasmi.

Komitmen lain ialah:

● Mematuhi kesepakatan sebelum ini, iaitu nelayan memasuki sempadan perairan di mana wujud tuntutan bertindih hanya diusir tanpa sebarang tindakan undang-undang.

● Tindakan undang-undang diambil terhadap nelayan mencerooboh perairan Indonesia atau Malaysia.

● Mewujudkan hanya satu saluran pengambilan pembantu rumah ke

negara ini.

● Memelihara kepentingan pekerja dan perlindungan sewajarnya ketika bekerja di sini.

● Mewujudkan Sekolah Indonesia di Sarawak bagi membina pendidikan kepada anak pekerja Indonesia di negeri itu

● Hubungan perdagangan Ma-

laysia-Indonesia dikembangkan walaupun sasaran AS\$30 bilion (RM106 bilion) bagi 2015 tidak mungkin dicapai berdasarkan jumlah dagangan dua hala yang hanya mencecah AS\$18.25 bilion (RM64.72 bilion) tahun lalu.

Najib turut mengambil kesempatan mengucapkan takziah kepada kerajaan dan rakyat Indonesia yang terkorban dalam nahas pesawat QZ8501 AirAsia Indonesia yang terhempas di Selat Karimata pada 28 Disember tahun lalu.

Sepakat isu dua hala

Sementara itu, Jokowi berterima kasih atas kesepakatan Najib dalam mempercepatkan penyelesaian isu dua hala.

Beliau turut mengesyorkan tindakan lanjut segera diambil oleh Malaysia, Indonesia dan Filipina berhubung nelayan Bajau.

Difahamkan, isu yang dibangkitkan adalah status kerakyatan nelayan suku Bajau Laut atau dikenali sebagai Pala'u, yang mengikut perundangan, dikategorikan sebagai orang tanpa negara oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).